

26 FEB 2003

NAM-Ucapan/I

DELEGASI PUJI PENGANJURAN NAM OLEH MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Para delegasi ke Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 menyatakan pujian terhadap kejayaan Malaysia mengendalikan acara itu sambil berjanji untuk menyokong dan memperbaiki aktiviti badan berkenaan.

Pemimpin-pemimpin yang berucap bagi pihak empat kumpulan dalam NAM -- Afrika, Asia, Eropah, Amerika Latin dan Caribbean -- semuanya mengucapkan tahniah kepada kerajaan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakyat Malaysia di atas kejayaan tersebut.

Dalam ucapan penggulungan bagi pihak benua Afrika lewat malam tadi, Presiden Namibia Dr Samuel Nujoma berkata hasil penganjuran forum perniagaan NAM akan membantu meningkatkan kefahaman berhubung peluang kerjasama yang wujud di kalangan negara anggota.

Katanya Deklarasi KL menyentuh hampir keseluruhan isu yang menjadi perhatian NAM dan cabaran yang dihadapinya.

"Kami telah menegaskan perlunya diperteguhkan lagi kerjasama Selatan-Selatan dan NAM perlu menyelaraskan pendiriannya di semua arena antarabangsa, terutamanya di bidang perdagangan dan rundingan," katanya.

Negara anggota NAM turut menekankan perlunya menggalakkan rundingan bagi membina dan mempermudah pelaksanaan deklarasi itu untuk membolehkan negara Utara dan Selatan saling memahami ke arah meningkatkan kerjasama di antara mereka.

Timbalan Perdana Menteri Pertama Kuwait Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah, yang berucap bagi pihak Asia, berkata walaupun sidang kemuncak itu dirancangan dalam jangka masa singkat, ia bagaimanapun telah membuahkan hasil.

"Kepakaran yang dimiliki anggota dan wawasan mereka membolehkan deklarasi itu disiapkan dalam masa yang dikehendaki," katanya.

Al-Jaber berkata wawasan NAM akan dapat direalisasikan jika setiap anggotanya mematuhi semua keputusan yang dibuat.

Beliau berkata Kuwait ingin menyampaikan penghargaan kepada Dr Mahathir berikutan sokongan yang diberikannya ketika negara Teluk itu mengalami situasi meruncing satu masa dulu.

Katanya pendirian Dr Mahathir (berhubung krisis di Kuwait itu) telah memperkukuhkan undang-undang antarabangsa dengan bendera Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dihormati.

Wakil Tetap Cyprus ke PBB Sotos Zackheos, berkata sidang kemuncak itu memberikan impak baru dalam proses penyuburan semula NAM bagi menjadikannya lebih efektif dalam memperjuangkan keamanan dan keselamatan antarabangsa serta menyahut cabaran mengadakan pembangunan mapan untuk anggotanya.

Zackheos yang bercakap bagi pihak negara NAM di Eropah, berkata mesyuarat itu menekankan betapa pentingnya proses pelbagai hala dalam penyelesaian isu-isu antarabangsa.

"Mesej yang lahir di Kuala Lumpur ialah perakuan tentang perlunya dicari penyelesaian damai. Apa yang perlu sekarang ialah azam politik dan kemahuan yang kuat negara anggota," katanya.

Berucap bagi pihak Amerika Latin dan Caribbean, Menteri Luar Guyana Samuel Hinds berkata perbincangan yang berlangsung telah menjana banyak idea dan cadangan untuk isu antarabangsa.

"Kebolehan kepimpinan Dr Mahathir telah memainkan peranan besar dalam menjayakan perbincangan itu dan kami menanti dengan perasaan tidak sabar kepimpinan Malaysia (dalam NAM),"

Hinds berkata para perwakilan dengan senang hati menikmati keunikan dan warna-warna Malaysia menerusi persembahan kebudayaan yang diadakan khas untuk mereka.

"Warna-warna itu bukan sahaja mencerminkan penduduk pelbagai bangsa negara ini tetapi juga kepelbagaian yang wujud dalam pergerakan kita serta keharmonian yang boleh dicapai menerusi pergabungan," katanya.

Hinds turut mengucapkan tahniah kepada Cuba kerana terpilih sebagai pengerusi NAM akan datang, sambil menyatakan anggota pergerakan itu akan turut memberikan sokongan terhadap negara berkenaan.

-- BERNAMA

RT RT YBY MAM